71B. (1) The Director General may at any time make a public ruling on the application of any provision of this Act in relation to any chargeable person or any type of arrangement.

(2) The Director General may withdraw, either wholly or partly, any public ruling made under subsection (1).

(3) Notwithstanding any other provisions of this Act, where a public ruling made under subsection (1) applies to any chargeable person in relation to an arrangement and the chargeable person applies the provision in the manner stated in the ruling, the Director General shall apply the provision in relation to the chargeable person and the arrangement in accordance with the ruling.”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

55. (1) Perenggan 56(*b*) dan seksyen 58 dan 59 disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 57 mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Perenggan 56(*a*) dan seksyen 60, 61 dan 62 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan seksyen 2B

56. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2B—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) hendaklah, bagi maksud aktiviti perniagaan Labuan—

(i) berhubung dengan suatu aktiviti perdagangan Labuan—

(A) mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi di Labuan; dan

(B) mempunyai amaun perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Labuan,

sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; dan

(ii) berhubung dengan suatu aktiviti bukan perdagangan Labuan—

(A) mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi di Labuan;

(B) mempunyai amaun perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Labuan; dan

(C) mematuhi apa-apa syarat berhubung dengan kawalan dan pengurusan di Labuan,

sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1A) subseksyen yang berikut:

“(1B) Bagi maksud subseksyen (1A)—

- (a) keuntungan yang boleh dikenakan cukai hendaklah keuntungan bersih sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit berkenaan dengan aktiviti perniagaan Labuan sedemikian bagi entiti Labuan itu bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan
- (b) seksyen 6, 6A, 6B, 6C, 6D, 8 dan 8A hendaklah terpakai, dengan pengubahsuaian yang perlu.”.

Pindaan seksyen 3A

57. Subseksyen 3A(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “tiga bulan” perkataan “atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 6D

58. Subseksyen 6D(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “taksiran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “taksiran atau taksiran tambahan” kecuali bagi perkataan “taksiran cukai pendapatan”.

Pindaan seksyen 13A

59. Subseksyen 13A(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 6” dengan perkataan “subseksyen 6(2), (3) dan (4)”.

Seksyen baharu 13B

60. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 13A seksyen yang berikut:

“Cukai kena dibayar walaupun prosiding telah dimulakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain

13B. Memulakan apa-apa prosiding di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain terhadap Kerajaan atau Ketua Pengarah tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungannya untuk membayar apa-apa cukai, hutang atau jumlah lain di bawah Bahagian ini.”.

Pindaan seksyen 20

61. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “boleh didenda” perkataan “tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang menerima apa-apa penyata keuntungan, akuan berkanun atau maklumat yang dibuat atau diterima bagi maksud Akta ini, dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai pada masa dia menerimanya bahawa penyata, akuan atau maklumat itu disampaikan atau dizahirkan kepadanya dengan melanggar Akta ini, tidak boleh menggunakan penyata, akuan atau maklumat itu atau mengemukakan atau menzahirkan penyata, akuan atau maklumat itu kepada mana-mana orang lain.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 24

62. Subseksyen 24(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 22 atau 23” perkataan “, atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat menurut subseksyen 21(1)”.

BAB VII**PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2012****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2012**

63. Bab ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan seksyen 3

64. Akta Kewangan 2012 dipinda dalam subseksyen 3(4) dengan memasukkan selepas perkataan “2021” perkataan “dan berkenaan dengan perenggan 10(c) berhubung dengan perenggan 49(1d)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 hingga tahun taksiran 2025”.

BAB VIII**PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2018****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2018**

65. Bab ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan seksyen 3

66. Akta Kewangan 2018 dipinda dalam subseksyen 3(3) dengan menggantikan perkataan “dan 2020” dengan perkataan “, 2020, 2021 dan 2022”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”), Akta Kewangan 2012 (“Akta 742”) dan Akta Kewangan 2018 (“Akta 812”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 5(1A) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa amaun atau pendapatan yang diterima oleh seseorang yang tertakluk kepada potongan cukai di bawah seksyen 109D Akta 53 tidak diambil kira bagi maksud menentukan pendapatan kena cukainya. Pada masa kini, hanya amaun atau pendapatan yang tertakluk kepada potongan cukai di bawah seksyen 109C, 109E atau 109G Akta 53 tidak diambil kira bagi maksud menentukan pendapatan kena cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 6(1)(m) dan (n) dan subseksyen baharu 6(1A) ke dalam Akta 53.

Perenggan baharu 6(1)(m) Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa suatu pendapatan yang diterima oleh mana-mana orang berkenaan dengan suatu skim insentif yang diluluskan oleh Menteri adalah tertakluk kepada kadar cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian XVII Jadual 1 kepada Akta 53.

Perenggan baharu 6(1)(n) Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa suatu pendapatan individu pemastautin yang bukan warganegara yang mempunyai dan menjalankan pekerjaan dalam suatu syarikat yang menjalankan perniagaan berkenaan dengan aktiviti yang layak di bawah suatu skim insentif yang diluluskan oleh Menteri adalah tertakluk kepada kadar cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian XVIII Jadual 1 kepada Akta 53.

Subseksyen baharu 6(1A) Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan suatu aktiviti yang layak bagi skim insentif yang disebut dalam perenggan baharu 6(1)(m) dan (n) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 6D ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu rebat cukai yang akan diberikan kepada suatu syarikat atau perkongsian liabiliti terhad yang memenuhi syarat dan kehendak yang dinyatakan dalam seksyen baharu 6D dan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 34(7) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa potongan cukai bagi amaun perbelanjaan yang dilakukan ke atas kajian dan pembangunan di bawah subseksyen ini hanya terpakai bagi orang pemastautin di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 34A Akta 53.

Subperenggan 8(a)(i) bertujuan untuk menjelaskan bahawa potongan dua kali di bawah seksyen 34A Akta 53 hanya terpakai bagi orang pemastautin di Malaysia.

Subperenggan 8(a)(ii) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa potongan dua kali tidak dibenarkan jika amaun perbelanjaan kajian dan pembangunan yang dilakukan dalam tempoh asas di luar Malaysia melebihi tiga puluh peratus daripada jumlah perbelanjaan kajian dan pembangunan dalam tempoh asas itu.

Perenggan 8(b) bertujuan untuk menggantikan proviso sedia ada kepada subseksyen 34A(4) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika amaun perbelanjaan ke atas kajian dan pembangunan yang dilakukan di luar Malaysia dalam tempoh asas bagi tahun taksiran melebihi tiga puluh peratus daripada jumlah perbelanjaan kajian dan pembangunan yang dilakukan dalam tempoh asas itu, hanya potongan sekali bersamaan dengan jumlah perbelanjaan ke atas kajian dan pembangunan yang dilakukan sahaja dibenarkan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 34B(1) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa potongan cukai di bawah subseksyen 34B(1) Akta 53 hanya terpakai bagi orang pemastautin di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

8. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda perenggan 39(1)(r) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa tertakluk kepada apa-apa kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Menteri, apa-apa amaun berkenaan dengan pembayaran yang dibuat oleh seorang pemastautin kepada suatu entiti Labuan yang disebut dalam perenggan 2B(1)(a) Akta 445 tidak dibenarkan untuk potongan di bawah seksyen 39 Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

9. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subperenggan 44(5B)(a)(ii) dan perenggan 44(5C)(a) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa nilai syer suatu syarikat yang terpakai bukanlah pada nilai nominal. Pindaan ini selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

10. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 44A(3)(c) Akta 53. Peruntukan yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan bahawa suatu syarikat penyerah dan syarikat menuntut itu adalah syarikat yang berkaitan jika tujuh puluh peratus modal berbayar berhubung dengan syer biasa syarikat penyerah dan syarikat menuntut dipegang secara tidak langsung melalui pengantara yang merupakan suatu syarikat pemastautin dan yang diperbadankan di Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2022 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subseksyen 45A(1) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa amaun bagi potongan perseorangan seorang isteri yang suaminya ialah orang kurang upaya dinaikkan daripada tiga ribu lima ratus ringgit kepada lima ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 53.

Subperenggan 14(a)(i) bertujuan untuk meminda subperenggan 46(1)(c) Akta 53 untuk menaikkan had potongan bagi perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas atau penjaga ibu atau bapa daripada lima ribu ringgit kepada lapan ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 14(a)(ii) bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(f) untuk memasukkan subperenggan baharu (iii) ke dalam perenggan 46(1)(f) Akta 53. Subperenggan baharu 46(1)(f)(iii) memperuntukkan bahawa potongan perseorangan diberikan, bagi tahun taksiran 2021 dan 2022, kepada individu bagi bayaran apa-apa kursus yang diambil bagi maksud peningkatan kemahiran dan kemajuan diri yang dikendalikan oleh suatu badan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] terhad kepada amaun maksimum satu ribu ringgit dan amaun itu menjadi sebahagian daripada potongan berjumlah tujuh ribu ringgit yang dibenarkan di bawah perenggan 46(1)(f) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 14(a)(iii) bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(g) Akta 53 untuk meluaskan skop potongan perseorangan bagi perbelanjaan perubatan terhad kepada satu ribu ringgit yang dibelanjakan atau disifatkan

dibelanjakan oleh seseorang individu untuk dirinya sendiri, suami atau isterinya atau anaknya atas pemvaksinan bagi pneumococcal, human papillomavirus (HPV), influenza, rotavirus, varicella, meningococcal, kombinasi TDAP (tetanus-diphtheria-acellular-pertussis) dan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subsubperenggan 14(a)(iii)(D) bertujuan untuk meminda subperenggan 46(1)(g) Akta 53 untuk menaikkan had potongan bagi perbelanjaan rawatan perubatan penyakit serius oleh seseorang individu untuk dirinya sendiri, suami atau isterinya atau anaknya, atau rawatan kesuburan untuk dirinya sendiri atau suami atau isterinya daripada enam ribu ringgit kepada lapan ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 14(a)(iv) bertujuan untuk meminda subperenggan 46(1)(h) Akta 53 untuk menaikkan had potongan bagi perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh oleh seseorang individu untuk dirinya sendiri, suami atau isterinya atau anaknya daripada lima ratus ringgit kepada satu ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 14(a)(v) bertujuan untuk meminda subperenggan 46(1)(p)(i) Akta 53 untuk meluaskan skop potongan gaya hidup kepada langganan akhbar elektronik.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subsubperenggan 14(a)(vii)(C) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu (c) ke dalam proviso kepada perenggan 46(1)(r) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa suatu potongan tambahan sebanyak satu ribu ringgit yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan dibenarkan bagi bayaran fi asuhan kanak-kanak bagi kanak-kanak yang berumur enam tahun dan ke bawah kepada pusat asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] atau taska yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan 2021.

Subperenggan 14(a)(viii) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 46(1)(s), (t) dan (u) ke dalam Akta 53.

Perenggan baharu 46(1)(s) Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan potongan perseorangan yang baharu suatu amaun terhad kepada maksimum satu ribu ringgit yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan berkenaan dengan bayaran bagi penginapan di premis yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Pelancongan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan fi masuk ke tempat tarikan pelancong yang dibuat pada atau selepas 1 Mac 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan 2021.

Perenggan baharu 46(1)(t) Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi potongan perseorangan yang merupakan tambahan kepada potongan di bawah perenggan 46(1)(p) Akta 53 bagi suatu amaun terhad kepada maksimum dua ribu lima ratus ringgit yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan bagi pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet pada atau selepas 1 Jun 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020 dan pembelian itu dibuat bukan bagi maksud perniagaannya sendiri.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020.

Perenggan baharu 46(1)(u) Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi potongan perseorangan yang merupakan tambahan kepada potongan di bawah perenggan 46(1)(p) Akta 53 bagi suatu amaun terhad kepada maksimum lima ratus ringgit yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan bagi pembelian kelengkapan sukan bagi apa-apa aktiviti sukan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576], bayaran sewa atau fi masuk ke mana-mana kemudahan sukan, dan bayaran fi pendaftaran bagi apa-apa pertandingan sukan yang penganjurannya diluluskan dan dilesenkan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

13. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda perenggan 47(1)(b) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa amaun bagi potongan perseorangan seorang suami yang isterinya ialah orang kurang upaya dinaikkan daripada tiga ribu lima ratus ringgit kepada lima ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 65B ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan layanan cukai bagi seseorang yang menjalankan perniagaan di Malaysia berkenaan dengan suatu sumber yang merupakan suatu aktiviti yang layak di bawah suatu skim insentif yang diluluskan oleh Menteri. Perniagaan seseorang daripada aktiviti yang layak itu hendaklah dilayan sebagai suatu perniagaan dan sumber berasingan dan berlainan orang itu. Apa-apa kerugian bagi suatu tahun taksiran yang dibawa ke tahun taksiran yang berikutnya hanya boleh ditolak daripada sumber pendapatan aktiviti yang layak itu. Apa-apa kerugian yang tidak dapat diserap dalam tempoh skim insentif hanya boleh digunakan untuk tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut selepas tahun taksiran yang skim insentif itu tamat. Jika seseorang itu tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri bagi skim insentif yang diluluskan itu, Ketua Pengarah boleh membuat taksiran tambahan terhadap orang itu pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun selepas tamat tahun taksiran yang kadar cukai itu terpakai baginya untuk mendapatkan kembali amaun cukai yang sepatutnya dibayar.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

15. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda subseksyen 77A(1A) Akta 53 untuk menghendaki suatu perkongsian liabiliti terhad untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata dalam borang yang ditetapkan melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik mengikut seksyen 152A Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

16. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 83 Akta 53.

Perenggan 18(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 83(2) Akta 53 untuk menghendaki majikan mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu notis dalam borang yang ditetapkan tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas permulaan kerja pekerjanya.

Perenggan 18(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 83(3) Akta 53 untuk menghendaki majikan mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu notis dalam borang yang ditetapkan berkenaan dengan kematian pekerjanya tidak melebihi daripada tiga puluh hari selepas majikan itu dimaklumkan tentang kematian pekerjanya itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

17. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 103B ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pemulaan apa-apa prosiding di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain terhadap Kerajaan atau Ketua Pengarah tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar cukai, hutang atau jumlah lain yang genap masa dan kena dibayar di bawah Bahagian VII Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 104 Akta 53. *Perenggan 21(b)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 104(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa perakuan yang disebut dalam subseksyen 104(1) Akta 53 boleh dikeluarkan kepada mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

19. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 113B ke dalam Akta 53.

Seksyen baharu 113B Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang menjadikannya suatu kesalahan bagi keingkaran dalam mengemukakan dokumentasi harga pindahan semasa mengikut apa-apa kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan 154(1)(ed) Akta 53 untuk melaksanakan atau memudahkan cara pelaksanaan seksyen 140A Akta 53 dan pesalah itu boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan bahawa tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

20. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 124 Akta 53 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk meremit apa-apa surcay yang dikenakan di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

21. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 140A(3A), (3B), (3C) dan (3D) ke dalam Akta 53.

Subseksyen baharu 140A(3A) dan (3B) Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk tidak mengambil kira apa-apa struktur yang digunakan dalam membuat suatu transaksi dan untuk membuat pelarasan kepada struktur transaksi itu untuk menunjukkan struktur yang akan digunakan oleh seorang yang bertindak bersendirian dalam urusan secara selengan dengan mengambil kira keadaan sebenar ekonomi dan komersial.

Subseksyen baharu 140A(3C) Akta 53 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang untuk membayar surcay tidak melebihi lima peratus daripada amaun penambahan pendapatan, atau amaun pengurangan apa-apa potongan atau kerugian, berikutan pelaksanaan kuasa Ketua Pengarah untuk menggantikan harga berkenaan dengan suatu transaksi untuk menunjukkan harga selengan transaksi itu atau untuk tidak mengambil kira apa-apa struktur yang digunakan dalam membuat suatu transaksi.

Subseksyen baharu 140A(3D) Akta 53 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa surcay yang kena dibayar oleh seseorang hendaklah dipungut oleh Ketua Pengarah seolah-olah surcay itu ialah cukai yang kena dibayar tetapi tidak boleh diambil kira sebagai cukai yang kena dibayar bagi maksud mana-mana peruntukan Akta 53 selain seksyen 103 hingga 106 Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

22. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 dan untuk memasukkan Bahagian baharu XVII dan XVIII ke dalam Jadual 1.

Perenggan 27(a) bertujuan untuk meminda perenggan 1 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengurangkan kadar cukai daripada empat belas peratus kepada tiga belas peratus ke atas pendapatan kena cukai antara RM50,001 dengan RM70,000 seseorang individu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Bahagian baharu XVII Jadual 1 kepada Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan kena cukai bagi seseorang berkenaan dengan skim insentif yang diluluskan oleh Menteri hendaklah dikenakan cukai pada kadar tidak melebihi dua puluh peratus. Menteri boleh menetapkan kadar, tahun taksiran dan syarat yang terpakai di bawah skim insentif yang diluluskan itu.

Bahagian baharu XVIII Jadual 1 kepada Akta 53 yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan kena cukai bagi individu pemastautin yang bukan warganegara yang mempunyai dan menjalankan pekerjaan di suatu syarikat yang menjalankan perniagaan berkenaan dengan suatu aktiviti yang layak di bawah suatu skim insentif yang diluluskan oleh Menteri hendaklah dikenakan cukai pada kadar tidak melebihi dua puluh peratus. Menteri boleh menetapkan kadar, tahun taksiran dan syarat yang terpakai di bawah skim insentif yang diluluskan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

23. *Perenggan 28(a)* bertujuan untuk meminda Jadual 3 kepada Akta 53 untuk memasukkan perenggan baharu 70A ke dalam Jadual 3 kepada Akta 53 untuk mentakrifkan perkataan “*plant*”.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

24. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda Jadual 6 kepada Akta 53 untuk menggantikan proviso kepada subsubperenggan 15(1)(b) Jadual 6 kepada Akta 53 untuk menaikkan amaun yang dikecualikan atas pendapatan pampasan bagi kehilangan pekerjaan daripada sepuluh ribu ringgit kepada dua puluh ribu ringgit bagi setiap genap tahun perkhidmatan bagi individu yang diberhentikan kerja pada atau selepas 1 Januari 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan 2021.

25. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda Jadual 7A kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika suatu syarikat telah membuat tuntutan bagi elaun pelaburan semula bagi tempoh lima belas tahun taksiran berturut-turut dan tuntutan itu tamat sama ada pada tahun sebelum tahun taksiran 2019, pada tahun taksiran 2019, 2020 atau 2021, syarikat itu berhak untuk membuat tuntutan bagi elaun pelaburan semula itu hingga tahun taksiran 2022.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020, 2021 dan 2022.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

26. *Fasal 32* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 14(5A) ke dalam Akta 169. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa, atas apa-apa sebab yang baik, untuk meremitkan kesemua atau mana-mana bahagian jumlah wang yang dikenakan ke atas mana-mana orang kerana pemeroleh tidak memegang simpan dan meremitkan wang yang dikehendaki di bawah seksyen 21B Akta 169 disebabkan oleh suatu pemberitahuan yang tidak betul atau salah yang dibuat oleh orang itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

27. *Fasal 33* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 15(4A) ke dalam Akta 169. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa, atas apa-apa sebab yang baik, untuk meremitkan kesemua atau mana-mana bahagian jumlah wang yang dikenakan ke atas mana-mana orang kerana pemeroleh tidak memegang simpan dan meremitkan jumlah yang dikehendaki di bawah seksyen 21B Akta 169 disebabkan oleh suatu pemberitahuan yang tidak betul atau salah yang dibuat oleh orang itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

28. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 21B Akta 169 untuk menjelaskan bahawa pemeroleh hendaklah memegang simpan kesemua atau suatu jumlah wang tidak melebihi tujuh peratus daripada jumlah nilai balasan jika pelupus jatuh di bawah Bahagian III Jadual 5 kepada Akta 169.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

29. *Fasal 35* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 21c ke dalam Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa pemulaan apa-apa prosiding di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain terhadap Kerajaan atau Ketua Pengarah tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar apa-apa cukai, hutang atau jumlah lain di bawah Bahagian III Akta 169.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

30. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 169.

Perenggan 36(a) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 22(1A) ke dalam Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa perakuan yang disebut dalam subseksyen 22(1) Akta 169 boleh dikeluarkan kepada mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen melalui suatu perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

Perenggan 36(b) bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “orang” ke dalam subseksyen 22(6) Akta 169 untuk menjelaskan bahawa pengarah syarikat yang dinyatakan dalam subperenggan 5(1A) Jadual 1 kepada Akta 169 boleh ditahan daripada meninggalkan Malaysia disebabkan apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar oleh syarikat itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

31. *Fasal 37* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 57A(3), (4), (5) dan (6) ke dalam Akta 169. Peruntukan baharu ini bertujuan untuk membolehkan seseorang untuk memberikan kebenaran kepada ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak untuk mengemukakan borang yang ditetapkan melalui suatu perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik bagi pihak orang itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

32. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda Bahagian II Jadual 5 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa kadar yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 5 kepada Akta 169 terpakai bagi suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*].

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

33. *Fasal 40* bertujuan untuk menggantikan takrif “duly stamped” dalam seksyen 2 Akta 378.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

34. *Fasal 41* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 7(1)(aa) dan (d) ke dalam Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu cap tekanan dan penyeteman digital sebagai salah satu kaedah pembayaran.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

35. *Fasal 43* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 12(d) ke dalam Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa penyeteman digital di atas salinan dan kaunterpart suatu surat cara sebagai cara lain untuk menyifatkan bahawa salinan dan kaunterpart itu telah disetamkan dengan sempurna untuk menunjukkan bahawa duti penuh dan yang sepatutnya telah dibayar ke atas surat cara asal.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

36. *Fasal 44* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 48(e) ke dalam Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa bayaran apa-apa penalti yang ditetapkan di bawah seksyen 43 atau 47A Akta 378 hendaklah ditunjukkan pada surat cara dalam bentuk penyeteman digital dan hendaklah diperaku oleh Pemungut.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

37. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda seksyen 50 Akta 378.

Perenggan 45(b) bertujuan untuk meluaskan pemakaian seksyen 50 kepada keseluruhan Akta 378.

Perenggan 45(c) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 50(2) dan (3) ke dalam Akta 378. Subseksyen baharu 50(2) Akta 378 yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Pemungut dan mana-mana pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang diberi kuasa oleh Pemungut hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah subseksyen 25(1) Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*] berkenaan dengan semua prosiding di bawah seksyen 50 Akta 378.

Subseksyen baharu 50(3) Akta 378 yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa berhubung dengan suatu guaman, pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pemungut yang menyatakan nama dan alamat defendan dan amaun duti atau penalti yang genap masa dan kena dibayar oleh defendan hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai amaun yang terhutang dan memberi mahkamah kuasa untuk memberikan penghakiman bagi amaun itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

38. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 55 Akta 378 untuk menunjukkan amalan penyeteman semasa yang tidak lagi mengenakan fi adjudikasi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

39. *Fasal 47* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 74A(1A) ke dalam Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa perakuan yang disebut dalam subseksyen 74A(1) Akta 378 boleh dikeluarkan kepada mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen melalui suatu perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

40. *Fasal 49* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 80B ke dalam Akta 378 untuk memberi Pemungut kuasa untuk meremitkan keseluruhan atau sebahagian duti yang dibayar atas sebab kemiskinan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

41. *Fasal 50* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 82(ab) ke dalam Akta 378 untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan cara penyeteman digital bagi pembayaran duti setem di bawah Akta 378 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pengeluaran dan kesahan penyeteman digital.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

42. *Fasal 52* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 48A ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa pemulaan apa-apa prosiding di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain terhadap Kerajaan atau Ketua Pengarah tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar apa-apa cukai, hutang atau jumlah lain di bawah Bahagian VIII Akta 543.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

43. *Fasal 54* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 71B ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu ketetapan umum berhubung dengan pemakaian mana-mana peruntukan Akta 543.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

44. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 2B Akta 445.

Perenggan 56(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 2B(1)(b) Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud aktiviti perniagaan Labuan, selain kehendak yang berhubung dengan bilangan pekerja sepenuh masa dan perbelanjaan operasi tahunan di Labuan, Menteri juga boleh menetapkan melalui peraturan-peraturan apa-apa syarat berhubung dengan kawalan dan pengurusan di Labuan bagi aktiviti bukan perdagangan Labuan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Perenggan 56(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 2B(1B) ke dalam Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud pengenaan cukai di bawah subseksyen 2B(1A) Akta 445 ke atas suatu entiti Labuan yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan Labuan, keuntungan yang boleh dikenakan cukai adalah keuntungan bersih yang ditunjukkan dalam akaun beraudit entiti Labuan itu. Bagi maksud itu, seksyen 6, 6A, 6C, 6D, 8 dan 8A Akta 445 hendaklah terpakai.

Pindaan ini disifatkan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

45. *Fasal 57* bertujuan untuk meminda subseksyen 3A(2) Akta 445 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membenarkan pelanjutan masa kepada suatu entiti Labuan untuk mengemukakan pemilihan yang tidak boleh dibatalkan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

46. *Fasal 58* bertujuan untuk meminda subseksyen 6D(1) Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan dengan suatu taksiran tambahan yang dibuat ke atasnya boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan di bawah seksyen 6D Akta 445.

Pindaan ini disifatkan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

47. *Fasal 59* bertujuan untuk meminda subseksyen 13A(1) Akta 445 untuk menjelaskan bahawa notis taksiran yang disebut dalam subseksyen itu merujuk kepada taksiran yang dibuat di bawah subseksyen 6(2), (3) dan (4) Akta 445.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

48. *Fasal 60* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 13B ke dalam Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa pemulaan apa-apa prosiding di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain terhadap Kerajaan atau Ketua Pengarah tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar apa-apa cukai, hutang atau jumlah lain di bawah Bahagian IV Akta 445.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

49. *Fasal 61* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 445.

Perenggan 61(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 20(2) Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa suatu denda minimum tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit boleh dikenakan terhadap mana-mana pegawai kerajaan yang melanggar subseksyen 20(1) Akta 445.

Perenggan 61(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 20(3) dan (4) ke dalam Akta 445 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menggunakan, mengemukakan atau menzahirkan apa-apa penyata keuntungan, akuan berkanun atau maklumat yang dibuat atau diterima bagi maksud Akta 445 yang disampaikan atau dizahirkan kepadanya dengan melanggar Akta 445 dan hukumannya ialah denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

50. *Fasal 62* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(1) Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat menurut subseksyen 21(1) Akta 445 boleh dikompaun.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2012

Bab VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2012.

51. *Fasal 64* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(4) Akta 742 untuk mengadakan peruntukan bagi pelanjutan masa mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2025 bagi suatu amaun potongan oleh seseorang individu bagi suatu caruman yang dibuat kepada suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2018

Bab VIII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2018.

52. *Fasal 66* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(3) Akta 812 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu pelanjutan masa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2022 bagi suatu amaun potongan yang didepositkan oleh seseorang individu untuk anaknya dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

AM

53. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3235]